Utusan Borneo: 19 November 2026

Lelaki mengamuk di premis memancing udang kena 20 bulan, denda RM3,500

KUCHING: Seorang lelaki dipenjara 20 bulan dan didenda RM3,500 selepas mengamuk di sebuah premis memancing udang di Jalan Matang, bahkan mencampakkan telefon pintar miliknya sendiri ke dalam kolam sebelum meminta pekerja kaunter membayar RM10,000 sebagai ganti rugi.

Tertuduh, Osman Omar, 45, mengaku bersalah terhadap tiga pertuduhan berasingan di dua Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Bagi pertuduhan mengikut Seksyen 384 dibaca bersama Seksyen 511 Kanun Keseksaan kerana cuba melakukan pemerasan terhadap pekerja kaunter iaitu gadis berusia 19 tahun, Osman dijatuhi hukuman penjara lima bulan dan denda RM3,500.

Dalam menjatuhkan hukuman itu, Majistret Nureina Syafika Mohd Najib memerintahkan Osman untuk dipenjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda.

Sementara itu, di hadapan Majistret Ling Hui Chuan, Osman dijatuhi hukuman penjara 14 bulan selepas mengaku bersalah melakukan khianat merosakkan barangan premis memancing udang tersebut, mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Bagi satu lagi pertuduhan mengikut Seksyen 384 dibaca bersama Seksyen 511 Kanun Keseksaan kerana cuba melakukan pemerasan terhadap pemilik premis dengan meminta wang sebagai bayaran perlindungan, Osman dijatuhi hukuman penjara 15 bulan.

Kedua-dua hukuman penjara yang dijatuhkan oleh Ling itu diarahkan berjalan serentak dan berkuat kuasa semalam.

Hukuman penjara lima bulan yang dijatuhkan oleh Nureina pula diperintahkan berjalan selepas Osman selesai menjalani hukuman penjara yang dijatuhkan oleh Ling, menjadikan tempoh keseluruhan pemenjaraan tertuduh selama 20 bulan.

Mengikut fakta kes, Osman terlebih dahulu menghubungi lelaki berusia 35 tahun (pemilik premis) menerusi panggilan telefon pada pagi 14 November lalu.

Osman menyatakan hasrat hendak 'menjaga kedai' milik mangsa serta memaklumkan bahawa dia akan datang ke premis berkenaan pada sebelah petang.

Pada jam 6.32 petang hari sama, ketika berada di premis memancing udang terbabit, Osman telah meminta pekerja kaunter memasukkan udang ke dalam kolam memancing.

Namun gadis tersebut menjelaskan bahawa pengisian udang hanya dilakukan mengikut jadual ditetapkan oleh pihak premis.

Osman yang tidak berpuas hati dengan penjelasan mangsa telah bertindak agresif dengan meninggikan suara serta mengeluarkan kata-kata kesat berulang kali terhadap mangsa.

Semasa kejadian juga, Osman mencampakkan telefon pintar miliknya sendiri ke dalam kolam sebelum meminta pekerja berkenaan membayar RM10,000 sebagai ganti rugi.

Selain itu, Osman turut membaling barang, menendang kerusi serta merosakkan sebuah meja dan mesin pencetak resit milik premis berkenaan sehingga menyebabkan kerugian kira-kira RM150.

Oleh itu, laporan polis dibuat dan seterusnya membawa kepada penangkapan tertuduh.

Dalam pada itu, Osman turut mengaku tidak bersalah terhadap satu lagi pertuduhan mengikut Seksyen 507B Kanun Keseksaan iaitu melakukan perbuatan mengganggu pekerja kaunter dengan mengeluarkan kata-kata kesat dan membaling barang sehingga menimbulkan ketakutan terhadap mangsa.

Majistret Nureina tidak membenarkan Osman diikat jamin dan menetapkan 17 Disember 2026 untuk pengurusan kes.

Selain itu, Osman turut tidak mengaku bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen mengikut Seksyen 39C Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana menyalahgunakan dadah secara berulang, dengan pengurusan kes ditetapkan pada tarikh sama.

Difahamkan, Osman turut disabitkan dalam dua kes berkaitan penyalahgunaan dadah mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dengan jumlah denda RM4,400 atau 14 bulan sekiranya gagal membayar denda, serta diarahkan menjalani pengawasan selama dua tahun bagi setiap kes.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Muhammad Afiq Safly Nor Kazly, DPP Muhammad Aidil Akmal Sharidan dan Pegawai Pendakwa Inspektor Siti Radhiah Abdul Rahman.